

Amalan Pengajaran Guru bagi Pembelajaran Murid Tercicir dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam

Teacher's Teaching Practices for the Learning of Student Dropouts in the Subjects of Islamic Education

***Ayu Amirosemini Yusoff & Khadijah Abdul Razak**

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Corresponding author: p111828@siswa.ukm.edu.my

Published: 24 June 2023

To cite this article (APA): Yusoff, A. A., & Abdul Razak, K. (2023). Teacher's Teaching Practices for the Learning of Student Dropouts in the Subjects of Islamic Education: Amalan Pengajaran Guru bagi Pembelajaran Murid Tercicir dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam. *AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 1(1), 36–52. <https://doi.org/10.37134/almakrifah.vol1.1.4.2023>

Abstrak

Dalam perkembangan dunia pendidikan kini, masih terdapat murid keciciran dalam pembelajaran dan pendidikan. Guru Pendidikan Islam memainkan peranan penting dan perlu sentiasa bersedia dalam memperkasakan amalan pengajaran guru dari pelbagai sudut. Walau bagaimanapun, masalah murid-murid yang tercicir dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dilihat kian bertambah. Artikel ini memfokuskan tentang amalan pengajaran guru Pendidikan Islam terhadap murid tercicir di sekolah rendah. Kajian yang dijalankan merupakan kajian kualitatif dengan reka bentuk kajian kes menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur. Kajian ini melibatkan guru Pendidikan Islam sekolah rendah sebagai peserta kajian. Lokasi kajian adalah di sebuah sekolah rendah yang terletak di pinggir bandar Kuala Lumpur. Pengkaji mengumpul, merekod data temu bual dan mencatat nota semasa temu bual sebagai prosedur temu bual yang dijalankan. Kajian ini menggunakan perisian Atlas.ti 9 untuk menganalisis data temu bual yang diperoleh dan menjalankan proses pengkodan, membina tema serta sub tema. Dapatkan kajian menunjukkan amalan pengajaran yang paling dominan dalam pembelajaran murid tercicir bagi mata pelajaran Pendidikan Islam tertumpu kepada kenal pasti murid tercicir dan kaedah pengajaran. Amalan pengajaran guru ini menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran guru lebih berkesan dan memberikan impak yang baik terhadap perkembangan murid tercicir ini. Implikasi kajian ini juga menekankan kerjasama dari pelbagai pihak untuk membendung berlakunya keciciran murid dalam arus pendidikan negara.

Kata kunci: Murid tercicir, amalan pengajaran, kaedah pengajaran, guru Pendidikan Islam

Abstract

In the development of the education world, some students still drop out of learning and education. Islamic Education teachers play an important role and must always be prepared to empower teachers' teaching practices from various methods. However, the problem of students dropping out of Islamic Education subjects is increasing. This article focuses on the teaching practices of Islamic Education teachers toward students who drop out of primary school. The study is qualitative, with a case study design using a semi-structured interview method. This

study involves primary school Islamic Education teachers as study participants. The location of this study is a primary school located in the suburbs of Kuala Lumpur. The researcher collects, records the interview data and takes notes during the interview as an interview procedure. This study used Atlas.ti 9 software to analyze the interview data obtained and carry out the coding process, building themes and sub-themes. The study's findings show that the most dominant teaching practice in the learning of dropout students for Islamic Education subjects is identifying dropout students and teaching methods. This teacher's teaching practice makes the teacher's teaching and learning process more effective and has a good impact on the development of these dropout students. The implications of this study also emphasize cooperation from various parties to prevent the occurrence of student dropouts in the national education stream.

Keywords: Drop out of students, teaching practices, teaching methods, Islamic Education teachers

Pengenalan

Sistem pendidikan di Malaysia kini semakin berkembang seiring dengan pembangunan negara. Perkembangan pendidikan ini penting dalam membentuk minda seseorang individu pemangkin negara dalam sesebuah masyarakat. Pencapaian dalam pendidikan berkait rapat dengan keberkesanan amalan pengajaran guru dalam pembelajaran murid (Zakaria Abdullah, 2012). Kaedah pengajaran yang berpandukan kepada strategi pedagogi yang terkini dapat membantu guru dalam mencorak dan menyusun amalan pengajaran yang berkesan serta meningkatkan pencapaian pembelajaran murid. Keperluan dalam pendidikan juga semakin meningkat disebabkan perubahan dan transformasi dalam sistem pendidikan yang menjadi satu cabaran baru dalam mencapai matlamat Pendidikan Islam. Namun begitu, masalah yang sentiasa membelenggu dunia pendidikan hari ini adalah masalah keciciran murid (Nurfarahzatul Ashikin, Muhamad Zuber & Muhammad Hussin, 2022). Fenomena masalah keciciran murid ini merupakan masalah yang masih belum ditangani sepenuhnya dan fenomena ini masih lagi berterusan dan berlegar-legar dalam sistem pendidikan hari ini.

Laporan kadar keciciran di negara Malaysia juga meningkat berbanding 2019. Peningkatan sebanyak 0.12 peratus pada 2019 kepada 0.13 pada 2020 di peringkat sekolah rendah. Manakala, peringkat sekolah menengah pula menunjukkan kadar peningkatan daripada 1.14 peratus pada 2019 kepada 1.26 peratus bagi 2020 (Utusan Malaysia, 2021). Laporan lain menunjukkan bahawa dari Januari hingga Julai 2021, seramai 10,015 pelajar berhenti sekolah (Utusan Malaysia, 2021). Laporan awal oleh OECD UNICEF dan UNESCO memberikan analisis awal kesan Covid-19 terhadap persekolahan kanak-kanak di seluruh dunia dikenali sebagai keciciran pendidikan secara besar-besaran yang dihadapi oleh seluruh dunia kerana sistem pendidikan yang tergendala dan sekolah ditutup (Utusan Malaysia, 2021). Menurut Zamri Mahmud & Anita (2022) menyatakan wujudnya perubahan dan cabaran yang besar dalam sektor pendidikan akibat penularan Covid-19. Gelombang perubahan ini merencatkan sistem PdP akibat penangguhan persekolahan secara bersemuka dalam jangka masa yang lama. Oleh yang demikian, rancangan pemulihan perlu disegerakan bagi menangani masalah keciciran pendidikan dalam kalangan pelajar (Sinar Harian, 2022).

Menurut Nurfarahzatul Ashikin, Mohamed Zuber & Muhammad Hussin (2022), faktor personaliti, motivasi dan minat pelajar mempengaruhi keciciran murid di sekolah. Murid yang tidak minat belajar akan menjadi punca keciciran murid dalam pelajaran. Minat murid

hendaklah dipupuk agar murid dapat mencapai objektif pembelajaran dan melahirkan kesan yang positif dalam proses pembelajaran (Idarwana, Zamri, Maharizuan, Nur Zuraini & Norazana, 2021). Murid yang bersikap positif akan mengutamakan masa depan pendidikan mereka dan berusaha untuk memajukan diri dalam pembelajaran (Nurfarahzatul Ashikin et.al, 2022). Namun begitu, keciciran murid akan berterusan jika sikap murid tidak mengutamakan pendidikan dan tidak cuba untuk memupuk minat belajar dalam diri mereka.

Kepelbagaiannya gaya pengajaran dan pembelajaran (PdP) ini amat penting untuk menghasilkan suasana pembelajaran yang menarik dan seronok. Menurut Ab. Halim (2021) kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran memberi impak yang ketara kepada pembentukan pelajar khususnya peranan guru Pendidikan Islam sebagai ikon rujukan utama. Oleh yang demikian, gaya pengajaran dan pembelajaran guru memberikan impak dan pelbagai kesan dalam pembelajaran seseorang murid.

Menurut kajian Rozita, Zaradi & Mohd Aderi (2015), amalan pengajaran pada permulaan pengajaran menunjukkan guru menjalankan aktiviti yang kurang menarik dan tidak menyusun langkah pengajaran dengan lebih tersusun dan teratur. Menurut Siti Zuhairah & Hafizhah (2021), guru-guru masih tidak mahir terhadap pelaksanaan PAK-21 di sekolah dan mereka ini masih menggunakan kaedah lama yang bersifat konvensional dalam melaksanakan PdP. Begitu juga, kajian Hamdi, Ab Halim, Rosadah & Safani (2012) mendapati sesetengah guru tidak bersedia merancang pengajaran secara sempurna dan berhadapan dalam menyelesaikan masalah. Kesediaan guru perlu dalam memahami perkembangan dari setiap sudut termasuklah aspek kognitif dan emosi agar guru dapat membuat persiapan awal (Shuhaila & Hafizhah, 2022).

Secara keseluruhannya, perkaitan amalan pengajaran seseorang guru akan memberikan impak pada pencapaian pembelajaran khususnya pada murid cicir dalam pembelajaran. Impak transformasi pendidikan berjaya meningkatkan keupayaan guru dalam mencapai keberhasilan murid seperti yang ditetapkan (Muhammad Hisyamuddin & Isa Hamzah, 2020). Oleh itu, pendekatan yang proaktif dan bersesuaian dengan kemampuan murid perlu dirancang dan dilaksanakan dalam jangka masa terdekat. Dalam mengubah fenomena yang membekalkan dunia pendidikan kini, guru merupakan penggerak dalam merubah pendidikan ke arah impak yang lebih baik.

Tinjauan Literatur


Dalam aliran pendidikan, keciciran murid dikategorikan kepada dua jenis keciciran iaitu keciciran pendidikan dan keciciran pembelajaran. Murid keciciran pendidikan ini adalah murid yang telah berhenti sekolah dan keluar dari sistem pendidikan yang ditentukan oleh pelbagai faktor antaranya faktor sosioekonomi keluarga, faktor personaliti pelajar dan faktor luaran (Nurfarahzatul Ashikin et.al, 2022). Selain itu, murid keciciran pendidikan juga merupakan murid yang mendaftar tetapi tidak meneruskan persekolahan dalam sistem pendidikan formal sama ada di sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia, sekolah kerajaan negeri dan sekolah swasta. Murid ini dianggap telah keluar dari sistem persekolahan sebelum tamat atau menghabiskan tempoh persekolahannya.

Manakala, murid keciciran pembelajaran adalah murid yang tercicir dan murid ini tidak mengikuti pendidikan wajib yang ditetapkan di sekolah atau murid yang tidak hadir ke sekolah melebihi (3) hari berturut (Peraturan-peraturan pendidikan wajib 2002, Akta Pendidikan 1996). Keciciran pembelajaran merujuk kepada murid-murid yang berada dalam sistem pendidikan

dan masih bersekolah tetapi murid-murid ini berada dalam kesukaran hidup, ketidakstabilan emosi, kurang fokus dan lemah akademik. Menurut Asma Nabihah (2004) yang menyatakan pelajar ponteng adalah pelajar yang tidak hadir ke sekolah tanpa sebarang surat akuan sakit atau surat akuan ibu bapa yang menyatakan sebab pelajar tersebut tidak dapat menghadirkan diri ke sekolah. Kajian Nurfarahzatul Ashikin et.al (2022) menyatakan status sosioekonomi keluarga termasuklah jenis pekerjaan ibu bapa, tahap pendapatan keluarga dan tahap pendidikan ibu bapa merupakan penyumbang kepada keciciran murid. Kajian Mirala dan Abu Yazid (2019) menyatakan faktor murid dan faktor keluarga yang dikenal pasti sebagai penyumbang kepada faktor-faktor murid berisiko tercicir.

Kajian Azlin, Suria & Ummi (2015) menunjukkan murid yang berisiko tercicir, mereka ini sedar dan tahu kelemahan yang ada pada diri mereka. Mereka juga tahu aspek kemahiran kehidupan yang perlu mereka utamakan dan faham kelemahan mereka dalam akademik. Menurut Nurfarahzatul Ashikin et.al (2022) juga berkaitan murid kurang minat terhadap pelajaran juga menjadi punca kepada keciciran. Namun, kajian Mirala dan Abu Yazid (2019) menjelaskan pembentukan minat murid terhadap pembelajaran dipengaruhi oleh suasana bilik darjah yang kondusif, kaedah pengajaran guru dan kesediaan murid untuk belajar. Tanpa didikan yang sewajarnya anak-anak yang belum matang pemikirannya tidak mampu membuat pertimbangan dalam setiap tindakan mereka dan akinya mudah terpengaruh dengan gejala negatif yang merosakkan seperti berhenti sekolah serta tidak berminat untuk menyambung pelajaran mereka.

Amalan pengajaran adalah proses yang dilaksanakan oleh guru merangkumi proses perancangan, semasa dan selepas sesuatu pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam kelas (Saliza, 2019). Keberkesaan dan penguasaan murid dalam PdP dipengaruhi oleh kecekapan pengajaran guru dengan membuat perancangan pengajaran yang berkesan, berpengetahuan pedagogi dan mahir menyusun strategi pengajaran (Siti Saleha, 2016). Amalan pengajaran adalah kebiasaan guru berbentuk perkataan, perbuatan, tabiat, tingkah laku atau pelaksanaan dalam pengajaran (Saliza, 2019). Dengan itu, amalan pengajaran guru dalam mata pelajaran Pendidikan Islam hendaklah bersumberkan teori amalan pengajaran guru Imam al-Ghazali yang menekankan konsep 5M iaitu *Muddarris, Mu'addib, Murabbi, Mursyid* dan *Mu'allim*. Rajah 1 menunjukkan konsep 5M.



Rajah 1: Konsep *Muddarris, Mu'addib, Murabbi, Mursyid* dan *Mu'allim*
Sumber : Mohd Farid dan Nor Hartini, 2016

Dalam konteks pendidikan hari ini, amalan pengajaran yang berkesan apabila guru melaksanakan PdP menggunakan kaedah pengajaran yang sesuai. Guru berperanan sebagai *Muddaris* iaitu pengajar yang menguasai pedagogi pengajaran dengan baik serta

berkemampuan meneroka kepelbagaiannya kaedah dan pendekatan pengajaran. Justeru itu, guru juga perlu menggunakan pendekatan teknik, strategi dan kaedah mengajar berpaduan teori pengajaran dan pembelajaran (Kamarul Azmi & Ab. Halim, 2007). Menurut kajian Siti Zurairah & Hafizhah (2021) menyatakan tahap pengetahuan dan kemahiran guru yang tinggi dan mantap akan mempengaruhi amalan pengajaran guru terhadap PAK-21.

Dalam menetapkan kaedah pengajaran guru Pendidikan Islam khususnya berperanan dalam mengenal pasti masalah pada peringkat awal agar murid tidak terlalu lama ketinggalan dalam pembelajaran (Noraishah & Mohd Isa, 2021). Oleh yang demikian, teknik pengajaran dalam bidang-bidang ini hendaklah dipelbagaikan kaedah untuk mewujudkan suasana pengajaran yang seronok dan memberikan motivasi kepada murid keciciran ini untuk belajar. Namun begitu, ada juga pengajaran yang menggunakan pendekatan berpusatkan guru dalam bidang al-Quran mengikut kesesuaian tahap pembelajaran murid. Oleh itu, guru perlu bijak menyusun teknik dan kaedah pengajaran yang berkesan dengan memfokuskan kepada langkah-langkah pengajaran serta pendekatan yang sesuai khususnya kepada murid keciciran pembelajaran.

Pendekatan PdP Pendidikan Islam merujuk kepada Modul Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam (1996) yang menunjukkan langkah-langkah pendekatan yang tersusun bagi mencapai objektif pengajaran. Pendekatan pedagogi yang berkesan dengan menggunakan pendekatan induktif. Pendekatan induktif ini adalah pada permulaan pengajaran. Pada permulaan pengajaran, guru hendaklah membuat persediaan dan memastikan proses permulaan pengajaran guru itu dapat menarik minat murid (Zalmiza, 2021). Oleh yang demikian, kemampuan guru dalam menguasai kemahiran pertama dalam menarik perhatian murid kepada PdP termasuklah gerak isyarat, corak interaksi guru bersama murid, penggunaan intonasi suara guru dan penggunaan media.

Menurut Syed Ismail dan Ahmad Subki (2013) pelaksanaan kurikulum perlukan perubahan pendekatan tradisional kepada pendekatan baru dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Ini kerana pembelajaran yang tertumpu kepada murid (*child centered*) haruslah ditekankan dan diamalkan. Guru perlulah mengurangkan atau menghapuskan pembelajaran yang tertumpu kepada guru (*teacher centered*).

Menurut Norrashidah (2016) yang menyatakan kemahiran guru Pendidikan Islam dalam merancang pembelajaran berasaskan masalah akan memudahkan mereka membuat persediaan. Hal ini kerana kerana pelaksanaan pengajaran berasaskan masalah menuntut guru Pendidikan Islam untuk memberikan lebih banyak komitmen bagi memantapkan pembelajaran berkualiti tinggi agar pelajar tertarik kepada pembelajaran yang bermakna dan menyeronokkan (Norrashidah, 2016). Sepertimana kajian Zakaria (2012) dalam bidang tilawah al-Quran yang mengutamakan kaedah latih tubi bersetujuan dengan topik pembelajaran selain penerangan dan penyampaian guru berkaitan ayat terjemahan.

Oleh yang demikian terdapat pelbagai teknik dan kaedah yang berpusatkan guru dan murid yang mana para guru boleh mempraktikkannya dalam PdP bagi rangsangan kepada murid sepanjang masa. Setiap guru perlulah bijak merancang dan fokus kepada elemen penyampaian pengajaran agar penyampaian bersetujuan dengan tahap murid. Guru juga perlu mengambil kira pelbagai penggunaan kaedah pendekatan dan pengajaran masa, pemeringkatan isi serta pemilihan sumber. Oleh itu, kajian bertujuan untuk meneroka amalan pengajaran guru yang paling dominan bagi pembelajaran murid tercicir dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes (Kamarul Azmi, 2012; Othman, 2019). Pengkaji memilih bentuk kajian kes kerana percaya bentuk kajian ini sesuai dijalankan bagi meneroka maklumat yang mendalam tentang fenomena amalan pengajaran guru Pendidikan Islam bagi pembelajaran murid tercicir.

Dalam kajian kes ini, pengkaji memilih tiga orang guru Pendidikan Islam untuk menjadi peserta kajian. Tiga orang guru Pendidikan Islam ini adalah dari sebuah sekolah kebangsaan bantuan modal kerajaan. Pemilihan peserta kajian berdasarkan kaedah persampelan bertujuan sesuai dengan objektif dan matlamat kajian. Guru yang dipilih berdasarkan beberapa faktor iaitu:

- a. Kriteria guru yang terlibat dalam kajian ialah mengajar Pendidikan Islam sekolah rendah dan telah berpengalaman mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam. Ketiga-tiga mereka merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda dan telah mengikuti latihan perguruan seterusnya memiliki Diploma Pengajian Islam dan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam. Pada masa kajian, ketiga-tiga guru tersebut mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam sekolah rendah.
- b. Pemilihan guru-guru sebagai peserta kajian dan mereka ini sanggup dan setuju untuk melibatkan diri dalam. Ini adalah kerana peserta kajian harus bersedia untuk ditemu bual.
- c. Berpengalaman dalam mengajar subjek Pendidikan Islam dan mereka juga minat dan selesa memberikan kerjasama sepanjang proses pengumpulan data. Para peserta kajian juga diberikan penghargaan atas kerjasama yang diberikan.

Ketiga-tiga responden adalah guru yang mempunyai pengalaman mengajar antara 7 hingga 28 tahun dan mereka berusia antara 30 hingga 50 tahun. Kesemua mereka mempunyai kelayakan Diploma dan Ijazah Pengajian Islam. Kajian ini melibatkan peserta kajian dari sebuah sekolah kebangsaan harian di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang terletak di pinggir bandar Kuala Lumpur. Lokasi yang dipilih ini berdasarkan kepada kemudahan bagi mendapatkan maklumat dan data yang ingin diperoleh sejajar dengan objektif kajian.

Kajian ini menekankan kepada pengumpulan data melalui pertemuan secara langsung dengan individu melalui temu bual. Othman (2017) menyelidik kualitatif banyak bergantung kepada temu bual untuk mendapatkan maklumat. Pengkaji telah menyediakan satu set soalan temu bual mendalam separa berstruktur untuk guru yang mengandungi tiga item. Dalam kajian ini, temu bual bersemuka digunakan, ia membolehkan pengkaji melakukan siasatan dengan teliti berkaitan maklum balas dengan lebih lanjut. Malah melalui temu bual, pengkaji akan mendapat maklumat yang lebih terperinci daripada guru itu sendiri. Jadual 1 menunjukkan item-item temu bual yang digunakan dalam proses temu bual.

| ITEM | |
|-------------|---|
| S1 | Bagaimana guru kenal pasti murid tercicir dalam mata pelajaran Pendidikan Islam? |
| S2 | Apakah kaedah pengajaran guru dalam memastikan penguasaan topik Pendidikan Islam yang dipelajari dalam kalangan murid tercicir ini? |
| S3 | Apakah aktiviti yang paling berkesan terhadap murid tercicir dalam pembelajaran Pendidikan Islam? |
| S4 | Apakah guru menggunakan bahan bantu mengajar dalam membantu murid tercicir sepanjang proses PdP? |
| S5 | Apakah masalah yang sering dihadapi oleh guru dalam mengajar murid tercicir ini? |

Jadual 1: Item-item Temu bual Guru Pendidikan Islam

Analisis data melibatkan proses penelitian dan proses mengkategorii serta menyusun data yang diperolehi termasuklah proses memanipulasi data yang diperolehi. Pengkaji menggunakan perisian Atlas.ti 9 untuk analisis data temu bual yang diperoleh. Pengkaji memulakan proses menganalisis data temu bual bermula dengan menyiapkan transkrip data, menyusun atur, membuat indeks ke atas data untuk memudahkan proses mencari dan mengenal pasti data serta memberikan kod kepada data bagi membentuk tema. Seterusnya, membina sub tema dan sub tema diubahsuai bagi membentuk hubungan antara tema yang lebih bermakna. Langkah terakhir adalah apabila data-data bermakna telah dikesan dan pemberian tema dan sub tema telah dijalankan. Maka, pengkaji boleh menulis laporan.

Dapatan Kajian

Dalam kajian ini, tiga orang guru Pendidikan Islam telah dipilih sebagai peserta kajian. Secara umumnya, ketiga-tiga peserta kajian merupakan guru Pendidikan Islam. Mereka ini berpengalaman mengajar Pendidikan Islam lebih dari 5 tahun dan mereka berusia antara 30 hingga 54 tahun. Pengkaji mendapati hasil temu bual dengan kesemua peserta kajian ini memberikan maklumat dan jawapan yang benar bagi menjawab objektif kajian. Jadual 2 menunjukkan demografi peserta kajian.

| | PK 1 | PK 2 | PK 3 |
|-----------------------------|-------------|-------------|-------------|
| Jantina | Perempuan | Perempuan | Perempuan |
| Umur | 54 tahun | 43 tahun | 31 tahun |
| Gred | 44 | 44 | 41 |
| Pengalaman mengajar (tahun) | 28 tahun | 14 tahun | 7 tahun |

Jadual 2: Demografi Peserta Kajian

Berdasarkan dapatan kajian bagi persoalan kajian, amalan pengajaran guru bagi pembelajaran murid tercicir dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, dibahagikan kepada dua tema iaitu kenal pasti murid tercicir dan kaedah pengajaran.

(1) Kenal pasti Murid Tercicir

Melalui amalan pengajaran guru, paling utama adalah guru perlu mengenal pasti murid tercicir terlebih dahulu. Berikut dari itu, pengkaji telah mengajukan soalan cara guru kenal pasti murid tercicir dalam mata pelajaran Pendidikan Islam kepada peserta kajian bagi menjawab persoalan kajian. Oleh yang demikian terdapat dua sub tema yang diperoleh iaitu penilaian guru dan pemerhatian guru.

a. Penilaian Guru

Penilaian guru pada peringkat awal adalah penting dalam mengumpul maklumat dan memastikan siapa murid yang keciciran di sekolah. Dapatan temu bual menunjukkan guru dapat mengenal pasti murid tercicir dalam pembelajaran melalui rekod kehadiran murid di sekolah. Ini menunjukkan guru peka dan cakna dengan kekerapan ketidakhadiran murid di sekolah yang menyebabkan murid tersebut tercicir dalam pembelajaran. PK 1 menyatakan:

"Murid tercicir adalah murid yang tidak mengikuti pendidikan wajib di sekolah selama tempoh yang melebihi 3 hari berturut-turut."
(PK01/TB/4:12)

Selain itu, PK 2 & PK 3 pula merumuskan murid tercicir dalam pembelajaran merupakan murid yang tidak menguasai pembelajaran apabila mereka sudah ketinggalan dari proses pembelajaran mereka akibat kerap tidak hadir ke sekolah:

"Terdapat di kalangan murid tercicir ini, mereka tidak mengenal huruf, tidak boleh membaca kalimah Al-Quran, suku kata jawi dengan baik. Kita mengenal pasti tahap murid ini melalui soal jawab." (PK02/TB/5:1)

"Murid-murid ini dikategorikan kepada keciciran pembelajaran kerana merujuk juga pada latar belakang murid kita ni agak menyedihkan lah sebenarnya...." (PK03/TB/6:1)

b. Pemerhatian Guru

Pemerhatian guru kepada prestasi murid tercicir ini penting agar guru dapat membuat perancangan awal untuk mereka ini agar mereka dapat menguasai pembelajaran seiring dengan murid-murid lain. Murid tercicir pembelajaran boleh diperhatikan melalui gerak kerja dan perbualan spontan antara guru dan murid serta antara murid dan murid semasa peringkat awal PdP sepetimana yang dijelaskan oleh PK 1 iaitu:

"Apabila mereka hadir ke sekolah, kita boleh memerhati mereka dan soal jawab spontan sama ada ia menguasai pembelajaran ataupun tidak menguasai." (PK01/TB/4:2)

Selain itu, PK 2 dan PK 3 juga berpendapat dalam pemerhatiannya melalui tindak balas murid semasa peringkat awal kelas sepanjang proses PdP berlangsung:

"Murid tercicir ialah murid kurang beri tumpuan semasa proses PdPc dan tidak menyiapkan kerja dan tidak dapat menyiapkan latihan dalam tempoh masa yang diberikan." (PK02/TB/5:2)

"...kita boleh tengok melalui pemerhatian semasa mengajar, kita nampak budak itu berkerut atau dia garu kepala. Kita boleh kenal pasti murid faham atau tidak isi pembelajaran...." (PK03/TB/6:27)

Selain itu juga, PK 3 berpendapat pemerhatian guru juga perlu pada penampilan, isyarat bahasa badan dan keadaan murid tercicir ini semasa berada di dalam kelas.

"....Bila kesihatan dan pemakanan tidak terjaga, emosi tidak stabil dan kurang fokus menyebabkan murid lemah dalam menguasai satu pembelajaran itu..." (PK03/TB/6:2)

(2) Kaedah Pengajaran

Melalui tema 2 iaitu kaedah pengajaran telah dibahagikan kepada 5 sub tema yang bersesuaian iaitu: kaedah bimbingan secara individu, kaedah bimbingan secara berkumpulan, kaedah tunjuk cara, kaedah latih tubi serta kaedah galakan dan pujian.

i. Kaedah bimbingan secara individu

Kaedah bimbingan secara individu merupakan satu proses membantu murid secara perseorangan. PK 1 dan PK 2 menyatakan kaedah pengajaran yang digunakan adalah menggunakan kaedah bimbingan secara individu:

"Kaedah yang paling sesuai adalah secara individu kerana guru boleh memberi lebih tumpuan dan memastikan murid cicir ini menguasai apa yang dipelajari." (PK01/TB/4:3)

"Sepanjang PdP, guru sentiasa memberikan perhatian dan tumpuan yang lebih kepada mereka secara perseorangan" (PK02/TB/5:3)

ii. Kaedah bimbingan secara berkumpulan

Kaedah bimbingan secara berkumpulan ini melibatkan kerjasama dan kolaborasi antara murid tercicir bersama dengan murid-murid lain di dalam kelas. Hasil dapatan temu bual PK 1 dan PK 2 mendapati kaedah bimbingan secara berkumpulan juga dilaksanakan oleh guru dalam kaedah pengajaran pembelajaran murid tercicir:

"Bagi membantu murid tercicir dalam menguasai pembelajaran pendidikan Islam, aktiviti yang paling berkesan ialah secara berkumpulan ataupun secara individu." (PK01/TB/4:18)

"Kaedah pengajaran untuk murid tercicir yang utama adalah memberi bimbingan secara individu atau berkumpulan." (PK02/TB/5:4)

Hasil dapatan temu bual bersama PK 2 juga menyuarakan rangsangan perbincangan bersama kawan dalam aktiviti berkumpulan akan membantu pembelajaran yang lebih berkesan;

"Rangsangan bersama kawan dan kawan membantu sesama mereka semasa membuat aktiviti berkumpulan." (PK 2/TB/5:5)

iii. Kaedah latih tubi

Hasil temu bual bersama PK 1 yang menyatakan kaedah latih tubi yang digunakan dalam PdP adalah untuk memastikan penguasaan isi pembelajaran yang lebih berkesan. Kaedah latih tubi secara sebutan dan disebut secara berulang-ulang merupakan kaedah pengajaran yang berkesan.

"....bagi membantu murid yang tercicir, teknik yang sesuai untuk kaedah pengajaran yang boleh digunakan ialah latih tubi kerana memudahkan murid untuk menguasai isi pembelajaran" (PK01/TB/4:7)

Selain itu, dapatan temu bual menunjukkan PK 3 menyatakan penyataan yang selaras dengan PK 1 berkaitan dengan kaedah latih tubi terhadap murid tercicir.

"Guru perlu beri latih tubi pada aras yang paling rendah untuk kenal pasti masalah sebenar murid cicir." (PK03/TB/6:28)

iv. Kaedah Tunjuk Cara

Kaedah tunjuk cara adalah memberi peluang kepada murid untuk menunjukkan pemahaman mereka menguasai isi pembelajaran. Hasil temu bual bersama PK 1 dan PK 3 menunjukkan kaedah tunjuk cara antara kaedah pengajaran yang berkesan dan dilaksanakan secara kolaborasi bersama murid turus untuk membantu murid tercicir menguasai pembelajaran mereka.

"Kaedah pengajaran untuk murid cicir. Saya guna kaedah tunjuk cara, saya minta bantuan daripada murid turus lah. Sebabnya kadang-kadang murid cicir ni dia tak boleh nak faham apa yang kita ajar tetapi dia boleh faham apa yang kawan dia ajar." (PK03/TB/6:5)

Menerusi dapatan hasil temu bual bersama PK 3 juga menunjukkan kaedah tunjuk cara juga dilaksanakan oleh guru dengan menggunakan bahasa badan. Contohnya pembelajaran bidang ibadah.

"Kalau macam dia tak tahu ni huruf apa dan kita bunyikan syin macam tu. Kalau huruf shad dia tak tahu shad apa. So kita buat gaya solat." (PK03/TB/6:32)

v. *Kaedah galakan dan pujian*

Melalui temu bual bersama PK 2 dan PK 3 menunjukkan guru menggunakan galakan dan pujian ini sebagai satu lonjakan dan penghargaan yang ditunjukkan oleh guru terhadap pencapaian murid tercicir dalam PdPc.

“Guru juga perlu beri galakan, pujian atau hadiah bila murid dapat jawab soalan sebagai penghargaan dan dia akan terus berusaha.” (PK02/TB/5:13)
“Apabila murid mencapai apa yang diusahakan, guru akan beri lebih galakan dan pujian atau beri hadiah serta ucapan tahniah atas usaha.” (PK03/TB/6:6)

Kaedah galakan dan pujian akan mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan memotivasi sikan murid sepetimana dinyatakan oleh PK 3:

“Bila dia happy dia ada rasa motivasi untuk terus berusaha. Sebab kita tahu setiap murid berbeza tahap penguasaan.” (PK03/TB/6:33)

Perbincangan Dapatan Kajian

Perbincangan dapatan kajian berkaitan amalan pengajaran guru merangkumi cara guru kenal pasti murid tercicir. Selain itu juga perbincangan juga berkisarkan tentang kaedah pengajaran yang dijalankan sepanjang PdP berlangsung terhadap murid tercicir.

Kenal pasti Murid Tercicir

Dalam membincangkan tentang Pendidikan Islam, terdapat perbezaan yang jelas antara PdP Pendidikan Islam dengan mata pelajaran lain. Aspek penguasaan dan penghayatan ilmu menjadi agenda utama dalam sistem Pendidikan Islam. Amalan pengajaran GPI dimulakan dengan guru mengenal pasti murid tercicir dari aspek penilaian dan pemerhatian guru. Rajah 2 menunjukkan cara guru kenal pasti murid tercicir melalui penilaian dan pemerhatian guru dalam kajian ini.



Rajah 2 menunjukkan cara guru kenal pasti murid tercicir

i. Penilaian guru

Guru sebagai *Muddaris* yang berkemahiran dalam menilai dan berpengetahuan tinggi dalam pemerhatian terhadap murid. Hasil dapatan kajian membuktikan melalui aspek penilaian, guru dapat mengenal pasti murid tercicir dalam pembelajaran Pendidikan Islam. Pada peringkat awal PdP, guru tahu rekod kehadiran murid dan kekerapan murid hadir ke sekolah. Murid tercicir pembelajaran ini mempunyai rekod kehadiran yang tidak memuaskan iaitu kehadiran ke sekolah secara *on off* dan ketidakhadiran dalam jangka masa yang lama. Hasil kajian

menunjukkan guru sentiasa peka dan tahu tentang ketidakhadiran murid ke sekolah. Kemahiran memantau termasuk pelaksanaan kemahiran menilai dan kemahiran mentafsir guru Pendidikan Islam semasa proses PdP berada pada tahap yang tinggi (Ab. Halim, Husnaa, Nur Hanani & Mohd Isa Hamzah, 2021). Hasil kajian membuktikan guru tahu dan kenal murid yang kerap tidak hadir ke sekolah kerana penilaian guru juga secara berterusan bukan hanya terhad di dalam bilik darjah semasa murid hadir PdP Pendidikan Islam, tetapi juga penilaian guru di luar bilik darjah.

ii. Pemerhatian guru

Tujuan utama pemerhatian adalah untuk memastikan guru dapat membuat perancangan segera agar mereka yang tercicir ini melalui proses PdP seiring dengan rakan-rakan yang lain. Hasil kajian menunjukkan guru memerhati tindak balas murid tercicir ini semasa perbualan spontan pada peringkat permulaan PdP. Seterusnya, guru akan meneruskan pemerhatian secara berterusan sama ada murid tercicir tersebut menguasai atau tidak menguasai isi pembelajaran. Tahap kefahaman dan kemahiran GPI yang tinggi berserta pengetahuan yang tinggi akan menghasilkan keberkesanan yang sangat positif pada tahap prestasi murid (Mohamad Radhi & Hafizhah, 2021).

Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan guru peka dan membuat pemerhatian pada tingkah laku serta gerak kerja murid tercicir pada peringkat awal juga seperti murid tercicir yang selalu tidak menyiapkan kerja rumah dan latihan dalam tempoh yang diberikan. Melalui pemerhatian juga, penampilan murid tersebut yang sentiasa tidak bermaya dan lesu sepanjang berada di dalam kelas. Hasil kajian ini disokong Hashima dan Amato (1994) yang anak-anak yang kurang disiplin diri disebabkan mereka ini kurang perhatian daripada ibu bapa.

Kaedah Pengajaran

Amalan pengajaran GPI terhadap murid tercicir juga difokuskan kepada kaedah pengajaran guru secara umum dalam subjek Pendidikan Islam. Setiap guru mempunyai kebolehan dan cara yang tersendiri dalam menyampaikan pengajarannya. Hasil kajian menunjukkan GPI menggunakan kaedah pengajaran seperti kaedah bimbingan secara individu, kaedah bimbingan secara berkumpulan, kaedah latih tubi, kaedah tunjuk cara serta kaedah galakan dan pujian. Rajah 3 menunjukkan kaedah pengajaran yang telah dikenal pasti dalam kajian ini.



i. Kaedah bimbingan secara individu

Dalam pengajaran murid tercicir, GPI melaksanakan amalan pengajaran melalui kaedah bimbingan secara individu. Amalan pengajaran guru berteraskan 5M telah menunjukkan aspek *Murabbi* yang paling dominan (Ab. Halim et.al, 2006). Hasil kajian ini menunjukkan GPI menggunakan pendekatan induktif secara individu pada murid yang tercicir. Murid dibimbing

oleh guru bagaimana untuk berfikir, mengkaji, mengenal pasti seterusnya mentafsir maklumat untuk generalisasi secara individu. Dalam aspek pendekatan induktif ini, guru perlu berusaha merangsang minat dan perhatian murid pada permulaan proses PdP Pendidikan Islam. Hal ini disokong dari hasil kajian Anis Qurratu'Aini, (2017) yang mendapati pendekatan induktif merupakan pendekatan kedua yang sering diguna pakai kerana murid lebih cepat faham.

Hasil dapatan juga menunjukkan melalui kaedah bimbingan individu ini, guru boleh berinteraksi dan berkomunikasi secara personal dengan murid dan seterusnya guru dapat kenal pasti bahagian topik pembelajaran yang murid masih tidak menguasai dan tidak faham.

ii. Kaedah bimbingan secara berkumpulan

Amalan pengajaran seterusnya menggunakan kaedah bimbingan secara berkumpulan. Hasil kajian menyatakan guru mengamalkan teknik pengajaran dengan menggunakan kaedah bimbingan secara berkumpulan. Bimbingan secara berkumpulan ini dapat membantu murid tercicir menguasai pembelajaran dengan dibantu dan dibimbing oleh murid turus dan rakan-rakan sekelas. Guru sebagai *Mursyid* berperanan sebagai pemudahcara hanya membimbang dan memberi galakan kepada murid tentang kemahiran interaksi sosial secara lebih positif dan berfokus membantu kelemahan murid (Siti Saleha, 2016). Bimbingan secara berkumpulan ini merupakan pendekatan deduktif yang menumpukan kerjasama antara murid iaitu pembelajaran secara umum kepada pembelajaran secara lebih spesifik melalui perbincangan dalam kumpulan (Mok Soon Sang, 2003).

Kajian Rozita et.al (2015) menyatakan penguasaan pembelajaran yang tidak kerap melibatkan rakan sebaya murid semasa pengajaran mengurangkan keberkesan pengajaran. Ini membuktikan perlunya pembelajaran secara berkumpulan. Hasil kajian menunjukkan melalui aktiviti berkumpulan, murid tercicir akan dibantu oleh rakan mereka di dalam kelas untuk mengenal pasti dan mudah memahami isi pembelajaran. Hal ini disokong oleh kajian Saliza (2019) yang menyatakan guru sering menggalakkan murid berkomunikasi dalam melaksanakan kerja kumpulan yang diberikan oleh guru.

iii. Kaedah latih tubi

Bagi membincangkan aspek amalan pengajaran pada murid tercicir yang seterusnya, hasil kajian menunjukkan GPI menggunakan kaedah latih tubi dalam membantu murid tercicir untuk menguasai pembelajaran topik Pendidikan Islam. Dapatan kajian menunjukkan GPI menggunakan kaedah latih tubi ini khususnya dalam pembelajaran bidang al-Quran. Kaedah ini sesuai digunakan bilamana murid perlu membuat pengulangan secara lisan agar murid mudah ingat dan menguasai topik dengan baik. Hal ini disokong kajian Zakaria (2012) menunjukkan kaedah yang paling kerap digunakan dalam menyampaikan tilawah Al-Quran ialah latih tubi. Namun begitu, dapatan kajian juga menunjukkan kaedah latih tubi ini juga bukan sahaja boleh dilaksanakan dalam bidang al-Quran. Akan tetapi, dapatan kajian juga menyatakan kesesuaian kaedah latih tubi dilaksanakan dalam bidang Ulum Syariah kerana kaedah ini memudahkan guru dan murid untuk menguasai isi pembelajaran sepertimana yang dinyatakan oleh Ibnu Khaldun (2003) menerangkan PdP yang berkesan ialah PdP secara beransur-ansur, satu demi satu dan sedikit demi sedikit.

iv. Kaedah tunjuk cara

Dapatan kajian berkaitan dengan amalan pengajaran yang seterusnya adalah GPI menggunakan kaedah tunjuk cara dalam membantu murid tercicir menguasai pembelajaran mereka. Tunjuk cara yang digunakan adalah melalui murid turus untuk membantu guru memudahkan pemahaman murid tercicir dalam sesuatu topik. Hal ini disokong oleh kajian Siti Fatimah (2022) menyatakan bacaan Iqra' dilaksanakan melalui teknik tunjuk cara dan teknik soal jawab untuk membantu para pelajar mengenal dan menyebut huruf serta membaca potongan ayat al-Quran dengan lebih lancar dan bertajwid. Ini membuktikan kaedah tunjuk cara sepertimana dapatan yang diperoleh iaitu tunjuk cara oleh rakan sekelas sebagai murid turus membantu murid tercicir untuk lebih faham tentang topik yang guru ajar. Sepertimana kajian oleh Syed Ismail & Ahmad Subki (2013) yang menyokong perubahan pendekatan pengajaran secara tradisional hendaklah diubah kepada pendekatan yang baru iaitu pembelajaran yang tertumpu kepada murid, bukannya pengajaran sehala dari guru sahaja.

v. Kaedah galakan dan pujian

Dalam membangkitkan semangat dan motivasi murid terhadap pembelajaran sesuatu topik. Amalan pengajaran yang seterusnya adalah guru menggunakan kaedah galakan dan pujian sepanjang proses PdP. Aspek motivasi dalam pembelajaran melalui cara guru tersendiri dalam memastikan murid sentiasa bersemangat dan tidak berputus asa mempelajari al-Quran. Perhatian dan layanan sama rata kepada semua pelajar tanpa membezakan kemampuan mereka dalam pembelajaran (Siti Fatimah, 2022).

Dapatan kajian menunjukkan guru memberikan galakan dan pujian secara langsung apabila murid tercicir tersebut berjaya mencapai apa yang diusahakan dalam topik yang dipelajari. Begitu juga menurut kajian Siti Fatimah (2022) yang menjelaskan guru memberikan pujian apabila para pelajar mereka menunjukkan perkembangan dalam pembelajaran seperti bacaan al-Quran yang bertambah baik dan komited menyelesaikan tugas yang diberikan. Galakan dan pujian juga boleh dilakukan pada awal PdP iaitu guru memulakan galakan sebagai pendorong semangat kepada murid. Menurut Siti Saleha (2016), dapatan kajianya menunjukkan guru boleh membantu dalam memberi galakan dan memulakan permainan dengan mengenalkan alat main tersebut. Hasil kajian ini disokong kajian Mirala & Abu Yazid (2019) memberikan galakan berbentuk ganjaran kepada murid. Ganjaran yang diberikan itu dapat mengekalkan kehadiran murid ke sekolah. Hal ini disokong oleh Siti Fatimah (2022), menzahirkan penghargaan melalui tindakan seperti mempamerkan senarai nama pelajar yang aktif dan komited serta memberi ganjaran yang tidak terhad hanya kepada wang ringgit.

Kesimpulan

Kajian ini menekankan amalan pengajaran guru bagi pembelajaran murid tercicir dalam mata pelajaran Pendidikan Islam supaya penguasaan murid dalam pembelajaran murid semasa PdP mencapai objektif pembelajaran dan mereka ini tidak tercicir dalam arus pendidikan. Dalam melahirkan murid yang berjaya selari dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia, guru hendaklah bertindak pantas dan cekap dalam memastikan murid tercicir mendapat pendidikan. Oleh itu, langkah drastik perlu dirancang dan dilaksanakan oleh guru untuk meningkatkan kualiti pengajaran yang lebih mantap. Hasil kajian menunjukkan amalan pengajaran guru masih berada di tahap sederhana kerana guru hanya menumpukan kepada lima kaedah pengajaran sahaja semasa proses PdP. Namun begitu amalan pengajaran guru lebih berkesan

apabila guru dapat kenal pasti murid tercicir melalui penilaian dan pemerhatian guru sebagai langkah awal bagi memastikan murid tercicir dapat menguasai topik pembelajaran. Oleh yang demikian, hasil kajian diharap boleh memberikan gambaran dan maklumat terperinci kepada semua pihak yang terlibat tentang amalan pengajaran guru Pendidikan Islam bagi pembelajaran murid tercicir khususnya dalam pembelajaran Pendidikan Islam. Justeru, bagi membendung keciciran dan melahirkan generasi yang berilmu pengetahuan dan modal insan berkualiti, kerjasama padu dari semua pihak dalam pelbagai aspek dan melaksanakan tanggungjawab serta amanah masing-masing tanpa culas dan berat sebelah.

Rujukan

- Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi. (2010). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Shahrin Awaluddin, Zamri Abdul Rahim & Khadijah Abdul Razak. (2004). Keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar: *Laporan Penyelidikan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Ab. Halim Tamuri, Shahrin Awaludin, Kamarulzaman Abdul Ghani, Khadijah Abdul Razak, Zarin Ismail & Mohd Aderi Che Noh. (2006). Laporan penyelidikan: Kajian amalan pengajaran guru Pendidikan Islam di sekolah rendah dan menengah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Halim Tamuri. (2021). Pendidikan berteraskan Ulul Albab dalam membangun generasi muslim yang cemerlang, berpengetahuan dan berakhlik. *Proceeding 4th International Islamic Heritage Conference 2021 (Ishec '21)*, hlm. 1-9.
- Ahmad Mohd Salleh. (1995). *Pendidikan Islam (Dinamika Guru)*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti
- Al Muslim Mustapa, Salamiah Ab. Ghani, Maryam Abdul Rahman, Zulkifli Nawawi & Mohamad Azwan Kamarudin. (2021). Penerimaan pelajar terhadap aktiviti permainan bahasa Arab digital dalam Microsoft Teams. *5th International Conference on Teacher Learning and Development (ICTLD)*, hlm. 286-291.
- Anis Qurratu'Aini Jamaluddin. (2017). Pendekatan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam untuk menangani salah laku ponteng di sekolah menengah di wilayah persekutuan Putrajaya. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asma Nabihah Abd Rahman. (2004). Faktor-faktor yang mendorong pelajar Felda ponteng sekolah: Satu kajian di Sekolah Menengah Air Tawar, Kota Tinggi, Johor. Bachelor's Thesis. Universiti Teknologi Malaysia.
- Astin, A.W. (1977). *Preventing Students From Dropping Out*. San Francisco-Washington-London: Jossey-Bass Publishers.
- Azlin Norhaini Mansor, Suria Huszaini & Ummi Salamah Samad. (2015). Kemahiran kehidupan untuk murid berisiko tercicir. *Journal of Personalized Learning*, 1(1), 93-103.
- Corbin, J., & Strauss, A. (1998). *Basics of Qualitative Research: Techniques and Procedures for Developing Grounded Theory*. London: Sage Publications.
- Costa, A.L. (2001). *Teacher Behaviour That Enable Student Thinking in Developing Mind: A Resource Book for Teaching Thinking*. Virginia: Association for Supervision and Curriculum Development.

- Hamdi Ishak, Ab. Halim Tamuri, Rosadah Abdul Majid & Safani Bari. (2012). Amalan pengajaran guru dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Masalah pendengaran). *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(4), 11-24.
- Hashima. P.Y., & Amato, P.R. (1994). Poverty, Social Support and Parental Behavior. *Child Development*, 65, 394-403.
- Ibnu Khaldun. (2000). *Muqaddimah Ibnu Khaldun* (Terj). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Idarwana Hasin, Zamri Mahamod, Maharizuan Mat, Nur Zuraini Nordin & Norazana Awang Kechik. (2021). Minat dan motivasi murid sekolah menengah terhadap Bahasa Melayu semasa pengajaran dan pembelajaran di rumah. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam 2021*, hlm. 490-509.
- Janimah Suhaimin. (2011). Persepsi sejarah terhadap kesan latihan ikhtisas dari aspek kemahiran pengajaran, penggunaan bahan bantu mengajar dan pengetahuan. Disertasi Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. (2007). *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Johor Bahru: Penerbit UTM PRESS.
- Kamarul Azmi Jasmi & Siti Fauziyani Md. Saleh @ Masrom. (2007). *Pendidikan Dan Pembangunan Keluarga Cemerlang*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri, Mohd Izham & Mohd Hamzah. (2011). Kajian kes penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran guru cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) sekolah bandar dan luar bandar: Satu kajian perbandingan. *Jurnal Teknologi*, 56(1), 179-198.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, (1968). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/1968: Tatatertib di sekolah-sekolah.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, (2001). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/2001: Penglibatan pelajar dengan kegiatan negatif.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, (2005). *Modul Pengajaran Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (1959). Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, (2007). *Buku Panduan Dasar, Pelaksanaan dan Pengurusan Kurikulum dan Kokurikulum Program j-QAF*. Kuala Lumpur: Jabatan Pendekatan Islam dan Moral KPM.
- Leech N. L., Onwuegbuzie A. J.. (2005). The role of sampling in qualitative research. Diakses dari: [http://findarticles.com/p/articles/mi\[22 Januari 2010\].](http://findarticles.com/p/articles/mi[22 Januari 2010].)
- Mirala Sathiasheelan & Abu Yazid Abu Bakar. (2019). Menangani murid berisiko kecinciran disebabkan kemiskinan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Puchong melalui Intversi Model Psikologi Kaunseling Intversi Modul Zoom In bagi membantu murid. *Prosiding Perkongsian Pintar Amalan Terbaik dalam Pendidikan Peringkat Antarabangsa 2019*, hlm. 57-66.
- Mohd Faizal Mat Tahir, Nor Kamaliana Khamis, Mohd Anas Sabri, Meor Iqram Meor Ahmad, & Nabilah Sabri. (2022). Persepsi dan sikap pelajar terhadap kandungan kuiz aktiviti pembelajaran secara realiti terarah (AR) menggunakan platform media sosial Instagram. *Kongres Dan Pertandingan Inovasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran (Knovasi) 2022*, hlm. 1-16.
- Mohd Farid Mohd Shahiran dan Nor Hartini Saari. (2016). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam: Persediaan dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM.
- Mok Soon Sang. (2003). *Ilmu Pendidikan untuk KPLI (Kompenan 3: Profesionalisme Keguruan)*. Subang Jaya: Penerbit Kumpulan Budiman.

- Muhammad Hisyamuddin Kamaruddin dan Mohd Isa Hamzah. (2020). Amalan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 guru-guru Pendidikan Islam Daerah Cameron Highlands, Pahang. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020) - Dalam Talian*, hlm. 773-780.
- Muhammad Zulfiqar Mat Lui dan Anuar Ahmad. (2021). Minat murid terhadap gaya, kaedah pengajaran dan pembelajaran guru dalam pendidikan Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(2), 211 - 221.
- Noraishah A.Rahman & Mohd Isa Hamzah. (2021). Konsep interversi dalam pengajaran dan pembelajaran jawi murid pra sekolah. *International conference on Syariah & Law (ICONSYAL 2021)-Online Conference*, hlm. 334-345.
- Nur Hanani Hussin. (2015). Pengajaran Ibadat dalam kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam. Tesis Dr. Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurfarahzatul Ashikin Zakari, Muhamad Zuber Abd. Majid & Muhammad Hussin. (2022). Keciciran murid sekolah di Malaysia: Suatu Pemerhatian Awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(2), 1-11.
- Othman Lebar. (2009). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metode Edisi Kedua (ulang cetak)*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rozita Md. Noh, Zaradi Sudin & Mohd Aderi Che Noh. (2015). Amalan guru-guru Pendidikan Islam dalam pengajaran ayat kefahaman. *Proceeding 6th Pedagogy International Seminar 2015*, hlm. 425-439.
- Saliza Ali. (2019). Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke-21, pengetahuan kandungan dan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan guru matematik. Disertasi Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shaffe Mohd Daud, Sharifah Md. Nor, Habsah Ismail & Mohd Hazwan Mohd Puad. (2009). *Pengajaran & pembelajaran daripada pelbagai perspektif*. Serdang: Penerbit UPM.
- Shuhaila Ab. Jawas & Hafizhah Zulkifli. (2022). Amalan pengajaran kreatif guru Pendidikan Islam bagi murid berkeperluan khas masalah pembelajaran. *Qalam International Journal of Islamic and Humanities Research*, 2(1), 20-28.
- Siti Fatimah Mohd Maiyurid. (2022). Amalan pengajaran guru Tilawah Al-Quran Sekolah Rendah Agama Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Disertasi Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Saleha Samsuri. (2016). Amalan guru dalam melaksanakan aktiviti belajar melalui bermain bagi memupuk kemahiran interaksi sosial murid prasekolah masalah pembelajaran. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Zuhairah Mohd Supuri & Hafizhah Zulkifli. (2021). Pengetahuan dan kemahiran guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan PAK21 dalam konteks kepelbagaian budaya. *International Conference Comunication, Management and Humanities 2021 (ICCOMAH2) E-Proceeding*, hlm. 180-200.
- Syed Ismail Syed Mustafa & Ahmad Subki. (2013). *Pengantar Pendidikan*. Selangor: Penerbitan Multimedia.
- Zakaria Abdullah. (2012). Pengajaran dan pembelajaran berasaskan pendekatan berpusatkan pelajar dalam pendidikan Islam di sekolah menengah kebangsaan. Disertasi Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zalmiza Zakariya. (2021). Amalan pengajaran solat dalam kalangan guru pendidikan islam. Thesis PhD. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahmod & Anita Abdul Rahman. (2022). *Covid-19: Impak dan Cabaran kepada Pembelajaran Murid*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.